

Kuala Lumpur: Kualiti udara di seluruh negara berada pada tahap sederhana apabila semua kawasan merekodkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak melebihi 100.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (Met-Malaysia) Datuk Che Gayah Ismail berkata, pihaknya menjangkakan situasi jerebu ini akan berakhir pertengahan bulan ini.

Hujan lenyapkan jerebu beransur-ansur

han bulan ini.

Katanya, berdasarkan corak cuaca sekarang, negara kini mengalami 'inter' monsun iaitu musim antara monsun yang menyebabkan cuaca menjadi lembap.

"Inter monsun yang berlaku menyebabkan negara menerima jumlah hujan le-

bih banyak, jadi hujan ini 'melenyapkan' jerebu sedia ada secara beransur-ansur.

"Jerebu baru juga dijangka tidak akan memasuki negara kita berikutan tiupan angin yang lemah dari pelbagai hala yang tidak akan membentuk ribut tropika baru sehingga awal Novem-


ber berikutan peralihan musim dari Monsun Barat Daya kepada Timur Laut," katanya ketika dihubungi.

Katanya, peralihan kepada Monsun Timur Laut menyebabkan keadaan cuaca serantau menjadi lebih lembap dengan hujan dan ribut petir boleh berlaku pada sebelah

petang, dan senja pada satu dua tempat di seluruh negara.

"Semenanjung tidak akan mengalami jerebu lagi kerana ketika ini, angin bertiup dari Laut China Selatan menyebabkan jerebu dari Kalimantan tidak sampai ke negara kita," katanya.

KUALITI udara di seluruh negara berada pada tahap sederhana, semalam.



Indonesia mohon bantuan



**LEMAS
DALAM
JEREBU**

Oleh Hairulazim Mahmud
azim@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

■ Jokowi minta Malaysia turut serta padam kebakaran di sekitar Palembang

aset dikelola bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) ke republik itu dengan segera dalam usaha memadamkan kebakaran mengakibatkan jerebu di Malaysia.

Beliau juga berhubung dengan rakan sejawatnya di Indonesia Ryamizard Ryacudu dan Menteri Luar Retno Marsudi berhubung perkara berkenaan.

“Perdana Menteri mengarahkan saya mengkoordinasi

si bantuan daripada beberapa kementerian dan agensi Malaysia. Buat masa ini, fokus bantuan dipohon Indonesia membabitkan pesawat berkeupayaan memadamkan kebakaran di kawasan luas.

“Sukacita saya ingin memaklumkan kerajaan Malaysia akan menerangkan Bombardier CL415MP bersifat ‘amphibious’ untuk misi bantuan

ini ke Indonesia,” katanya.

Beliau bercakap pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Koordinasi Transformasi Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di sini, semalam.

Kelmarin,

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, Per-

FAKTA
Indonesia mohon bantuan pesawat berkeupayaan padam kebakaran di kawasan luas

dana Menteri mengutus surat kepada Jokowi bagi menyuarkan kebimbangan Malaysia berhubung situasi jerebu yang melanda negara ini.

Perdana Menteri turut menggesa tindakan pemadaman kebakaran di negara itu diperhebat supaya masalah jerebu ini dapat dihentikan segera.

Hishammuddin berkata pesawat itu berkeupayaan menjatuhkan 6,137 liter dalam tempoh 12 saat ketika terbang dengan kelajuan 130 km/h (70 knots).

Katanya, air dijatuhkan di kawasan sasaran yang ditentukan pihak berkuasa Indonesia.



HUJAN lebat bantu pulihkan kualiti udara.